



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 7 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'KELUHAN RAKYAT DIUTAMA', LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TINDAKAN LAJU PM JADI 'PENYELAMAT AWAL', LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	'GUNAKAN APA YANG ADA', LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	
4.	PARAS AIR TAKUNGAN MADA MEMBIMBANGKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 7	
5.	PESAWAH MALAYSIA NIKMATI HARGA BELIAN PADI ANTARA TERTINGGI DI ASIA TENGGARA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5	LAIN – LAIN
6.	HARGAI INSENTIF BAJAK RM200 TETAPI BELUM CUKUP TANGANI KOS – PESAWAH. DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	
7.	PESAWAH AKHIRNYA TERPAKSA BERHENTI TANAM PADI, NASIONAL, HAKAH, M/S – 5	
8.	5,000 IKAN TILAPIA MATI, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
9.	SUNGAI KEREH TERUS DICEMARI KUMBAHAN NAJIS BABI, PULAU PINANG, HAKAH, M/S – 18	
10.	HARUMANIS BACHOK MULA MENGHARUM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 20	
11.	IDLE LAND TO SHARED LIVELIHOOD, NATION, THE STAR, M/S – 12	
12.	HARUMANIS RIPE FOR TAKE-OFF, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	
13.	WATERMELON YIELDS FALL AMID PROLONGED HOT SPELL, NATION, THE STAR, M/S – 12	
14.	ERATIC WEATHER NO BARRIER FOR WATERMELON GROWER, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	
15.	OP NAGA: 5,319 NELAYAN ASING DICEKUP, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

## 'Keluhan rakyat diutama'

**Kuala Lumpur:** Pemberian bayaran pendahuluan RM200 sehektar bawah Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP), dapat meringankan beban kewangan pesawah dan memastikan kelancaran persediaan memulakan penanaman padi musim 1/2026.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata inisiatif itu membolehkan pesawah menerima bayaran pendahuluan lebih awal, berbanding perlu mengeluarkan modal sendiri terlebih dahulu.

Beliau berkata, pesawah hanya boleh membuat tuntutan IPKP selepas kerja-kerja pembajakan selesai.

"Pengumuman ini jelas menunjukkan Kerajaan MADANI sentiasa mendengar keluhan dan menga-

mbil kira pandangan pesawah pada peringkat akar umbi.

"Kerajaan juga komited terus menambah baik pendekatan sedia ada agar kebajikan pesawah sentiasa terpelihara, selaras usaha memperkukuhkan keterjaminan makanan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, inisiatif itu yang dipersetujui pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dipengeruskannya, kelmarin, akan membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM48 juta.

Mohamad berkata, beliau telah mengarahkan pihak kementerian untuk memuktamadkan segera proses pelaksanaan bayaran terbabit.

Katanya, ia supaya bayaran pendahuluan itu dapat disalurkan tanpa kelewatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

## Tindakan laju PM jadi 'penyelamat awal'

**Alor Setar:** Tindakan pantas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan bayaran pendahuluan insentif pembajakan RM200 per hektar dianggap sebagai 'penyelamat awal' kepada pesawah yang bergelut dengan kenaikan kos operasi dan kekangan air ketika ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh berkata, keputusan itu memberi kelegaan besar kepada pesawah untuk segera memulakan kerja penyediaan tanah tanpa perlu menunggu bantuan penuh disalurkan.

Katanya, reaksi cepat kerajaan membuktikan keprihatinan terhadap keluhan golongan pesawah yang terkesan akibat kenaikan kos upah dan harga diesel susulan faktor global.

"Langkah memberi pendahuluan ini sangat positif kerana pesawah boleh te-



rus bergerak melakukan pembajakan dan penyediaan tanah lebih awal.

"Ini penting supaya kitatan penanaman tidak terus tertangguh," katanya.

Dr Ismail berkata, sebelum ini ramai pesawah berdepan kesukaran untuk memulakan kerja kerana perlu menanggung kos sewaan jentera yang semakin meningkat.

Katanya, walaupun kerajaan sudah naik kadar insentif pembajakan, keper-



**Reaksi cepat kerajaan membuktikan keprihatinan terhadap keluhan golongan pesawah yang terkesan akibat kenaikan kos"**

*Ismail*

luan sokongan seperti subsidi bahan api secara ber-sasar masih menjadi tuntutan utama pesawah.

"Pesawah berharap satu skim seperti *fleet card* dapat diperkenal seperti sektor lain, bagi mengurangkan beban kos operasi.

Beliau berkata, isu kekurangan air di kawasan empangan turut menjadi cabaran utama yang menyebabkan kelewatan musim penanaman kali ini.

Katanya, paras takungan

air rendah memaksa MADA melaksana beberapa langkah termasuk Operasi Pembinaan Awam (OPA) bagi memastikan bekalan air mencukupi.

"Kita akui berlaku sedikit kelewatan kerana menunggu air, namun usaha sedang giat dijalankan untuk memastikan jadual penanaman dapat disusun semula.

"Kita harap walaupun berlaku sedikit pertindihan jadual, ia masih boleh dikawal dan kembali kepada jadual asal," katanya.

Kerajaan bersetuju menyalurkan bayaran pendahuluan RM200 sehektar kepada pesawah berdaftar di seluruh negara bagi memastikan aktiviti penanaman padi tidak terjejas.

Beliau berkata, langkah itu membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM48 juta dan dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 240,000 pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
am@hmetro.com.my

Alor Setar

# 'Gunakan apa yang ada'

*Pesawah disaran manfaat sumber ekoran paras takungan air empangan menurun*

Paras takungan air di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menunjukkan trend membimbangkan apabila keseluruhan takungan kini hanya sekitar 38.45 peratus.

Berdasarkan data terkini menerusi laman web MADA semalam, keadaan paling kritikal direkodkan di Empangan Muda yang mencatatkan hanya 9.28 peratus takungan.

Empangan Pedu yang menjadi sumber utama bekalan mencatatkan 39.4 peratus takungan dan masih meneruskan pelepasan air secara terkawal.

Empangan Ahning pula berada pada tahap lebih stabil dengan 51.04 peratus.

Pengerusi MADA Datuk Dr Ismail Salleh berkata, pihaknya dengan kerjasama agensi berkaitan melaksana Operasi Pembinaan Awam (OPA) sekali lagi bagi memastikan bekalan air di kawasan sawah mencukupi.

Katanya, pesawah digalakkan memanfaatkan sumber air sedia ada untuk memulakan penanaman.

"Air kita ada sedikit di sawah. Jadi, guna apa yang ada di sawah walaupun sedikit, untuk mula mengusahakan tanaman. Jika berlaku masalah seperti tanaman tidak menjadi, laporan kepada Pertubuhan Peladang



PESAWAH membajak menggunakan jentera di Kampung Tanah Merah, Jitra. - Gambar NSTP/WAN NABIL NASIR

Kawasan (PPK) untuk tindakan lanjut.

"Kita tidak biarkan pesawah berdepan masalah

ini sendirian, bantuan dipertimbangkan berdasarkan keperluan semasa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bersedia bantu daripada segi penyediaan pam air bagi memastikan pesawah

tidak berdepan kekangan bekalan.

Katanya, ada hampir 1,000 pam air pelbagai ka-

pasiti di seluruh kawasan MADA yang boleh digunakan, terutama di kawasan berhampiran saliran.

# Paras air takungan MADA membimbangkan

**Alor Setar:** Paras air takungan di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menunjukkan trend membimbangkan apabila keseluruhan takungan kini hanya sekitar 38.45 peratus.

Berdasarkan data terkini MADA semalam, keadaan paling kritikal direkodkan di Empangan Muda yang mencatatkan hanya 9.28 peratus takungan. Empangan Pedu yang menjadi sumber utama bekalan mencatatkan 39.40 peratus takungan dan masih meneruskan pelepasan air secara terkawal.

Empangan Ahning pula berada pada tahap lebih stabil dengan 51.04 peratus.

Sementara itu, Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata pihaknya dengan kerjasama agensi berkaitan akan melaksanakan operasi pembenhian awan (OPA) sekali lagi bagi memastikan bekalan air di kawasan sawah mencukupi.

Pada masa sama, katanya, pesawah digalakkan memanfaatkan sumber air sedia ada untuk memulakan penanaman.

"Air kita ada sikit di sawah. Jadi gunakan apa yang ada di sawah, walaupun sedikit, untuk mula mengusahakan tanaman. Jika berlaku masalah seperti tanaman tidak menjadi, lapor kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk tindakan lanjut.

"Kita tidak akan biarkan pesawah berdepan masalah ini berseendirian, sebaliknya bantuan dipertimbangkan berdasarkan keperluan semasa," katanya.

Ketika ini MADA menyediakan hampir 1,000 unit pam air pelbagai kapasiti di seluruh kawasan sawah miliknya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata pendahuluan insentif RM200 sehektar bagi kerja membajak oleh Perdana

Menteri kelmarin membantu mengurangkan tekanan, tetapi kos operasi sebenar terutama bahan api masih tinggi dan menekan pesawah.

Katanya, bantuan itu mampu memberi aliran tunai kepada pesawah dan bukan bantuan sepele. Ia membantu menampung kenaikan harga diesel.

"Memang kita ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana respon cepat, tetapi bantuan RM200 sehektar ini hanya mengurangkan sedikit beban, bukan penyelesaian keseluruhan.

"Kos sebenar membajak sekarang mencecah sekitar RM875 sehektar berbanding kira-kira RM630 sebelum ini, jadi kenaikan itu sangat besar kepada pesawah," katanya, semalam.

Abdul Rashid mencadangkan kerajaan mempertimbangkan pemberian kad fleet diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) khusus untuk sektor penanaman padi.



Takungan air di Empangan Muda hanya mencatat 9.28 peratus.

(Foto Ihsan FB Dr Ismail Salleh)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

## Pesawah Malaysia nikmati harga belian padi antara tertinggi di Asia Tenggara

**ARAU:** Golongan pesawah di negara ini masih menikmati harga belian padi lebih tinggi berbanding kebanyakan negara Asia Tenggara lain.

Malah harga lantai belian-padi RM1,500 per tan metrik termasuk subsidi sehingga RM2,000 adalah lebih tinggi berbanding Thailand dan Vietnam meski kedua-kedua negara itu adalah pengeksport besar selain memiliki teknologi industri padi lebih maju.

Berdasarkan semakan, harga belian padi semasa di Thailand adalah sebanyak RM947; Vietnam (RM808); Filipina (RM1,924); Indonesia (RM1,478); Myanmar (RM1,038) dan Kemboja (RM724) bagi setiap tan metrik.

Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzuki berkata, mengikut realiti harga padi semasa sekali pun, pesawah di Malaysia masih menikmati harga padi paling tinggi khususnya



**SEORANG** pesawah meninjau kawasan sawah padi yang mula digenangi air selepas hujan lebat sejak kebelakangan ini di Kampung Jejawi, Arau, Perlis, semalam. - **UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN**

untuk variasi beras putih.

Katanya, selain itu hanya Malaysia memberi subsidi jualan padi manakala negara-negara lain seperti Indonesia dan Thailand tidak melakukannya.

“Dalam soal hendak naikkan harga padi RM3,000 iaitu dua

kali ganda bukanlah tidak realistik namun perlu kenal dahulu bagaimana dunia padi beras berputar di sekeliling berdasarkan harga belian padi tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Ezreen Mu-

haizi berkata, soal harga padi Malaysia lebih tinggi bukanlah bermaksud cadangan harga padi RM3,000 tidak realistik.

Namun katanya, ia menunjukkan bahawa harga padi rendah di Thailand dan Vietnam (RM900-RM1,000) menyebabkan harga beras di sana juga murah untuk diimport masuk ke Malaysia.

“Bayangkan harga beras import siap proses di pintu kilang di Thailand dan Vietnam adalah lebih murah berbanding harga padi basah di Malaysia yang belum lagi dikeringkan dan belum dikisar untuk dijadikan beras.

“Dengan harga beras import begini, lebih baik pengilang padi tempatan tukar perniagaan untuk jadi pemborong beras import 100 peratus. Beli benda sudah siap, tinggal kempit dan jual sahaja. Tapi persoalannya, apa yang akan berlaku kepada pesawah dan padi tempatan?,” katanya.

# Hargai insentif bajak RM200 tetapi belum cukup tangani kos - Pesawah

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediamula.com.my

**ALOR SETAR:** Pengumuman pemberian pendahuluan RM200 bagi insentif pembajakan kepada 240,000 pesawah disambut baik sebagai langkah awal meringankan beban, namun berharap kerajaan meneliti mekanisme lebih menyeluruh termasuk pelaksanaan sistem kad fleet bagi mengawal kos operasi jentera.

Pengerusi Peladang Muda PPK MADA, Aswadi Khairi Omar berkata, bantuan itu sedikit sebanyak membantu pesawah muda, namun jumlah itu wajar dikaji semula agar lebih realistik dengan kos semasa.

Menurutnya, cadangan penggunaan kad fleet dilihat lebih berkesan kerana melibatkan keseluruhan operasi jentera yang menjadi komponen utama dalam aktiviti pembajakan.

"Ketika ini terdapat kira-kira 240,000 pesawah berbanding hanya sekitar 20,000 jentera. Jadi kebergantungan kepada jentera sangat tinggi dan harga yang tidak menentu memberi tekanan kepada kami. Dengan



**PESAWAH menggesa kerajaan kaji semula mekanisme bantuan termasuk pelaksanaan kad fleet untuk kawal kos jentera.**

**Kenaikan harga diesel menyebabkan pengusaha jentera menaikkan kadar upah, sekali gus meningkatkan beban petani."**

SHUKRI BAHAROM

tidak dihargai, tetapi jumlahnya masih belum mencukupi dengan kos pembajakan semasa. Jika ada kad fleet, ia lebih membantu kerana boleh mengawal harga," katanya.

Seorang lagi pesawah, Shukri Baharom, 64, berkata, kenaikan harga diesel menyebabkan pengusaha jentera menaikkan kadar upah, sekali gus meningkatkan beban petani.

"RM200 itu membantu, tetapi belum cukup untuk menampung kos sebenar. Dalam jangka panjang, kerajaan perlu pertimbangan kad fleet kerana penggunaan jentera hanya melibatkan tempoh singkat setiap musim," katanya.

Menurutnya, berbanding sektor lain seperti perikanan yang menikmati kemudahan bahan api bersubsidi sepanjang tahun, pesawah hanya memerlukan sokongan bagi tempoh tertentu sahaja, justeru pelaksanaan mekanisme itu dilihat tidak membebankan kerajaan tetapi mampu memberi impak besar kepada pesawah.

perluan sebenar di peringkat akar umbi," katanya.

Sementara itu, seorang pesawah, Ridzuan Mansor, 54, berkata, bantuan RM200 sebagai langkah positif, namun mencadangkan agar ia diselaraskan mengikut keluasan hektar bagi memberi manfaat lebih adil kepada pesawah.

"Kalau boleh dilaksanakan mengikut hektar, mungkin lebih seimbang. Bantuan ini bukan

laupun ramai masih meneruskan usaha kerana faktor warisan keluarga.

"Kami tidak mahu mengambilib tindakan drastik seperti terus berdemonstrasi kerana bimbang menjejaskan imej sektor pertanian negara. Namun kami harap kerajaan dapat mendengar suara pesawah dan meneliti ke-

adanya kad fleet, kos boleh dikawal dan beban pesawah terutama pesawah muda dapat diringankan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Peningkatan kos seperti minyak dan alat ganti memberi kesan kepada pengusaha jentera yang akhirnya dipindahkan kepada pesawah.

"Dalam masa sama, minat golongan muda terhadap sektor sawah padi semakin berkurangan disebabkan kos tinggi wa-

Sekitar Himpunan Aman PeSAWAH, 3 Mei 2026, Pokok Sena Kedah

Adakah jaminan beras bakal negara terancam?

# Pesawah akhirnya terpaksa berhenti tanam padi



Abdul Rashid Yob (tengah)

Oleh SARINA ISMAIL

**POKOK SENA:** Lebih daripada 30 peratus pesawah seluruh negara berkemungkinan akan beralih kepada aktiviti lain, memandangkan kos penanaman padi yang tinggi, berikutan kenaikan harga diesel ketika ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, situasi berkenaan akan memberi kesan kepada bekalan beras negara dan secara tidak langsung berisiko berhadapan dengan krisis makanan.

"Kalau tuntutan petani tidak juga selesai, petani yang kecewa, mungkin akan berhenti bersawah dan tukar tanaman lain dan sebagainya. Telah berkali-kali kami berjumpa dengan pihak kerajaan, sesi libat urus, dialog. Sampai tak larat dah.

"Surat ka, perjumpaan ka, bertalu-talu, tapi jalan penyelesaian belum ada hingga sekarang. Bayangkan

sejak 2024, tu tak kira yang sebelum itu lagi," jelas beliau dalam Himpunan Aman Pesawah di Kampung Alor Setoi, di sini, baru-baru ini.

Jelasnya lagi, bukan senang bagi seorang yang telah lama bergelumang sebagai pesawah untuk bertukar kepada aktiviti lain kerana bersawah itu sudah menjadi darah daging mereka.

Namun akui beliau mewakili para pesawah, apabila mereka terpaksa berhadapan dengan kos penyelenggaraan yang tinggi, momentum pesawah untuk melangsungkan kerja penanaman menurun.

"Untuk hasilkan satu kilo padi, kosnya RM1.50, bermaksud satu metrik tan kosnya RM1,500 iaitu sama dengan harga padi. Jadi bagaimana nak dapat untung?"

"Kalau nak jamin makanan negara, perlu jamin juga agar para petani dapat meneruskan tanaman padi," tegasnya lagi kepada usaha yang sepatutnya turut dibantu pihak kerajaan itu.

Mengulas lanjut kata Abdul Rashid, seluas 500 ekar kawasan penanaman padi di Kerian, Perak telah bertukar kepada tanaman kelapa sawit, sementara di Kedah 0.29 hektar (satu relung) juga telah menjadi ladang harumanis.

Fenomena sedemikian katanya, akan menjejaskan kadar sara diri atau SSL dan kawasan penanaman padi akan mengecil serta bilangan pesawah juga akan berkurangan.

"Kalau sudah bertukar tanaman, mustahillah untuk bertukar kepada padi semula. Ini yang ditakutkan. Kawasan penanaman padi ini direkodkan seluas 600,000 hektar tapi saya rasa kemungkinan kini 500,000 sahaja.

"Jadi perlu buat bila pemutihan semula kerana ini adalah 'food security' kita," katanya lagi menuntun harga lantai padi dan isu 'Fleet Card' diselesaikan.

Pada himpunan itu, selain kerajaan dituntut agar menaikkan harga lantai padi bermuarah ke RM3,000



Antara plakat yang dipamerkan ketika himpunan berlangsung.

satu tan metrik, mereka juga menuntut agar isu 'fleet card' kepada pesawah untuk mendapatkan subsidi diesel diselesaikan segera.

Kata Abdul Rashid lagi, kerajaan harus sedar, jumlah petani yang asalnya seramai 200,000 orang, sudah berkurangan dan baki terkini hanya sekitar 180,000 orang.

Kebanyakannya pula katanya, adalah daripada kalangan warga emas berusia lebih daripada 50 tahun dan tidak ramai golongan muda (30 hingga 40 tahun) yang mewarisi penanaman padi dari keluarganya.

Malah, penglibatan anak-anak remaja juga sangat berkurangan iaitu sekadar tiga peratus sahaja dan kebanyakan mereka lebih memilih untuk bekerja di sektor lain yang tidak berisiko.

Beliau turut memaklumkan, para petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) setakat ini, masih menanggung penanaman padi musim kali ini, walaupun jadual penanaman telah dikeluarkan.

"Petani bukan menolak cadangan tanam padi 'tabur kering', kaedah tersebut jika tahun 1990an boleh buat, tapi sekarang tak sesuai. Kalau buat juga, akan berhadapan

dengan pelbagai masalah.

"Sudahlah kos tinggi, gangguan makhluk perosak seperti tikus, burung, serangga serta ancaman daripada rumpai dan padi angin juga boleh berlaku. Risiko siapa nak tanggung," bidas beliau merujuk kepada cadangan Pengerusi MADA, Dato' Dr Ismail Salleh sebelum ini.

Beliau tidak menafikan, faktor kekurangan sumber air untuk pengairan akibat musim kemarau yang agak panjang kali ini juga, antara sebab penanaman padi tidak dapat dimulakan lagi.

Sungguhpun begitu ujar beliau, sekiranya pengairan berlaku dan air sampai ke kawasan bendang, petani masih juga tidak boleh memulakan penanaman kerana tidak mampu menanggung kos yang begitu tinggi.

"Kalau kos traktor sampai 66 peratus, mesin padi sampai 38 peratus, tak campur kos baja lagi, ini pun dah tinggi, jadi bagaimana nak usahakan? Sedangkan harga padi masih sama, harga beras pun masih sama.

"Harga kena seiring dan seimbang. Harga padi mahal, harga beras pun kena mahal. Kerajaan kena apungkan harga beras pada satu tahap yang relevan," jelasnya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	KOSMO	NEGARA	13



MOHD. SAYUTI sayu melihat sebahagian ikan tilapia yang mati akibat cuaca panas di sangkar diusahakannya di Kampung Cawat, Besut semalam.

## 5,000 ikan tilapia mati

- **Pengusaha ikan sangkar kerugian RM20,000**
- **Tangguh kemasukan benih baharu elak rugi lebih besar**

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**BESUT** – Musim kemarau yang berlarutan dan kemasukan air masin ke dalam Sungai Besut menyebabkan 15 pengusaha kerugian RM20,000 apabila 5,000 ikan tilapia sangkar yang mereka pelihara di Kampung Cawat di sini, mati sejak hampir tiga bulan lalu.

Mohd. Sayuti Muda, 40, berkata, kebanyakan ternakan mereka yang mati itu merupakan anak

ikan tilapia berusia kurang dua minggu.

“Benih ikan tilapia yang kami lepaskan ke dalam sangkar kebanyakan tidak mampu bertahan lama ekoran kenaikan suhu air sungai.

“Sifat ikan tilapia yang hidup di permukaan air menyebabkan ia tidak tahan panas lalu mempercepatkan kematiannya,” katanya ketika ditemui.

Menurut Mohd. Sayuti, musim kemarau berlarutan juga telah menyebabkan air Sungai Besut menyusut sehingga membolehkan air laut memasuki muaranya.

Dakwanya, ia menyebabkan sangkar ikan mereka yang terletak berhampiran muara sungai diterobos air masin berkenaan.

“Ikan sungai seperti tilapia memang sensitif dengan peningkatan kadar kemasinan air

sungai,” dakwanya.

Seorang lagi pengusaha, Yuzairie Mat Yusof, 44, pula mendakwa mereka terpaksa menangguhkan sementara kemasukan benih ikan tilapia baharu bagi meminimumkan kerugian.

“Biasanya kami akan masukkan benih baharu sekiranya bilangan ikan matang di dalam sangkar semakin berkurangan.

“Begitupun buat waktu ini, kita tangguhkan sementara. Buat apa masukkan benih ikan baharu kalau kesudahannya kita tahu, ia akan mati dalam tempoh kurang dua minggu dan menambahkan lagi kerugian,” dakwanya.

Yuzairie juga mendakwa kos operasi mereka juga semakin meningkat ekoran terpaksa membersihkan sangkar daripada bangkai ikan mati hampir setiap hari bagi mengelakkannya berbau.

# Sungai Kereh terus dicemari kumbahan najis babi

Oleh **SARINA ISMAIL**

**TASEK GELUGOR:** Isu pencemaran Sungai Kereh di Tasek Gelugor terus membimbangkan apabila bau busuk akibat kumbahan najis babi semakin ketara, khususnya selepas pembangunan kawasan sekitar.

Walaupun berlarutan lebih 40 tahun, penduduk mendak-

wa tiada tindakan tuntas diambil.

ADUN Sungai Dua, Ustaz Muhammad Fauzi Yusoff berkata, pencemaran berpunca daripada pelepasan najis babi ke Parit Cina di Kampung Selamat yang mengalir hingga ke Sungai Kereh dan Sungai Perai.

"Apabila sungai terjejas, dari sumber mana lagi untuk mereka ambil untuk peng-

airan tanaman, minuman binatang ternakan termasuk sumber rezeki hasil tangkapan sungai?" soalnya.

Menurut beliau, meskipun Enakmen Penternakan Babi diperkenalkan pada 2016, kegagalan pematuhan menyebabkan pencemaran berterusan.

"Walaupun sudah ada peraturan, pencemaran najis babi ini masih berlaku hingga

sekarang," katanya.

Kesan pencemaran bukan sahaja menjejaskan penduduk dan ekonomi setempat, malah berisiko mencemarkan sumber air serta menjejaskan operasi loji rawatan air.

Justeru, beliau menuntut penguatkuasaan lebih tegas agar pelepasan sisa ke sungai dapat dihentikan segera demi kesejahteraan rakyat.



Muhammad Fauzi Yusoff

FOTO: BERNAMA




Rudzuan bersama isteri Rabiatun Naemah Mohd Azmy dan anaknya Marwa Mohd Rudzuan, 23 (kiri) memantau keadaan keadaaan harumanis.

## Pesara hidupkan tanah terbiar dengan tanaman itu

**BACHOK** - Sekumpulan pesara di Kuala Rekaung, Melawi memilih jalan berbeza ketika ramai memilih berehat selepas bersara dengan menghidupkan semula tanah terbiar menerusi tanaman harumanis yang kini mula mengharumkan nama Bachok.

Mangga premium yang sebelum ini sinonim dengan Perlis itu kini perlahan-lahan mencipta 'rumah' baharu di bumi Kelantan. Apa yang bermula sebagai peribualan santai di wakaf kampung kini berkembang menjadi sumber rezeki bersama, sekali gus mengeratkan hubungan komuniti dan memberi makna baharu kepada kehidupan selepas persaraan.

Ketua pengusaha tanaman harumanis, Mohd Rudzuan Jusoh, 53, berkata, inisiatif itu teretus pada penghujung 2019 hasil per-



Rudzuan melakukan kerja membungkus harumanis bagi melindungi buah daripada serangan lalat buah dan serangga perosak di Ladang Harumanis Kuala Rekaung, Melawi baru-baru ini.

# Harumanis Bachok mula mengharum

bekas tanaman tembakau yang terbiar, selain menjaga pendapatan baharu melalui pertanian bernilai tinggi.

"Kami membeli benih dari Perlis menggunakan kos sendiri dan mengusahakannya secara berperingkat," katanya baru-baru ini.

Menurutnya, kini lebih 3,000 pokok harumanis diusahakan di kawasan berkenaan dengan kebanyakan peserta terdiri daripada pesara laktangan awam termasuk guru

cukupi menjadikan kawasan itu sesuai untuk tanaman berkenaan selain tanah beris bekas tanaman tembakau yang subur.

"Maklum bialas pelanggan termasuk dari Kuala Lumpur menunjukkan rasa dan aroma harumanis Bachok setanding hasil dari Perlis, kuing atau hijau ikut permintaan," katanya.

Rudzuan berkata, pokok harumanis lazimnya mula berbuah dalam tempoh tiga

grad A, manakala pembelian terus di ladang ditawarkan lima kilogram pada harga sama tanpa pengedaran, termasuk peluang kepada pelanggan memetik sendiri buah.

Sementara itu, Rasidi The berkata, kejayaan projek berkenaan membuktikan golongan pesara masih mampu kekal aktif dan menjaga pendapatan, selain mengeratkan hubungan komuniti setempat.

"Daripada tanah terbiar, kini menjadi

TARIKH  
7/5/2026MEDIA  
SINAR  
HARIANRUANGAN  
NASIONALMUKA  
SURAT  
20

# Idle land to shared livelihood

## Community mango farm leads retirees to sweet success

**BACHOK:** A group of retirees in Kuala Rejang, Melawi, has been utilising idle land by growing harumanis mangoes, which are now gaining recognition and putting Bachok on the map.

The premium mango, synonymous with Perlis, is gradually establishing a new foothold in Kelantan.

What began as a casual conversation among friends has grown into a shared source of income, strengthening community ties and giving new meaning to life after retirement.

Most of them are retired civil

servants, including teachers, who have the time, interest and capital to venture into agriculture.

Head of the harumanis farm project, Mohd Rudzuan Jusoh, 53, said the initiative was sparked in late 2019 following discussions with fellow villagers after Isyak prayers.

This evolved into a group farming project involving more than 40 participants.

"The idea was well received as the participants wanted to make use of former tobacco land while generating new income through high-value agriculture.



**Labour's bounty:**  
Mohd Rudzuan (right) inspecting harumanis mangoes with his friends at the farm in Kuala Rejang, Melawi.  
— Bernama

"We sourced the seedlings from Perlis at our own cost and cultivated them in stages," he told Bernama.

He said over 3,000 harumanis trees are now being cultivated.

Mohd Rudzuan spoke about Bachok's geographical advantages, its coastal location, prolonged hot weather and sufficient water supply which make it suitable for the crop, along with the fertile land previously used for tobacco farming.

"According to feedback from customers, including those from Kuala Lumpur, the taste and

aroma of harumanis Bachok are comparable to those from Perlis. We offer both fully ripe (yellow) and semi-ripe (green) fruit based on demand," he said.

Mohd Rudzuan said harumanis trees typically begin to bear fruit within three to five years.

This month, the harvest is estimated at three tonnes, among the best yields so far, he said.

He said sales will begin on May 16, with premium-grade fruit priced at RM100 for 3kg and Grade A at RM100 for 4kg.

Farm purchases are also available at RM100 for 5kg without

grading, including the option for customers to pick the fruit themselves.

Retired teacher Rasidi Teh, 63, said the project's success proves that retirees can remain active and generate income while strengthening community bond.

"From idle land, it has become a shared source of livelihood. We hope Kuala Rejang can emerge as a new harumanis hub in Kelantan," he said, expressing appreciation for the state government's support through courses and grants to expand the cultivation.

# Harumanis ripe for take-off

► Growth potential for premium mango strong despite fake fruits and seasonal limits, says entrepreneur

BY QIRANA NABILLA  
MOHD RASHIDI  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Malaysia's prized Harumanis mango industry is poised for significant growth over the next decade, driven by surging demand and vast untapped export potential even as supply struggles to keep pace and counterfeit products threaten consumer confidence.

Industry players say the premium fruit, synonymous with Perlis, remains underexploited in both domestic and international markets, signalling strong headroom for expansion.

Harumanis entrepreneur Muhammad Abqari Yusof, 33, said demand is expected to rise sharply over the next five to 10 years, underpinned by the fruit's distinct flavour and limited availability.

"At present, the fruit has not yet been exported on a large scale and even local demand has not been fully met. This indicates that the market opportunity ahead remains wide and promising," he said.

However, he warned that the long-standing issue of counterfeit Harumanis continues to undermine trust in the market.

"Customers often ask about the differences and why fake products exist. Some dishonest sellers take advantage of the situation."

Muhammad Abqari said two main forms of deception persist. The first involves mislabelling where imported mangoes from countries such as Thailand and Cambodia which are similar in appearance are falsely marketed as Harumanis from Perlis.

The second involves quality manipulation, where unripe fruits are harvested and sold prematurely.

"This results in a sour taste, leading to complaints and damaging the reputation of genuine Harumanis, as consumers may believe they have been misled."



Noor Asyikin said product diversification is key to unlocking the full commercial potential of Harumanis beyond its short harvest season. — ADAM AMIR HAMZAH/THE SUN

He added that such practices have left some consumers sceptical, underscoring the need for stronger public awareness and industry-wide efforts to educate buyers on identifying authentic Harumanis.

Muhammad Abqari also explained that the fruit's premium pricing reflects its labour-intensive cultivation process.

"Unlike more common varieties, Harumanis requires meticulous management — from maintaining soil health and nurturing trees to ensuring quality flowering and producing high-grade fruit. The process is labour-intensive and incurs high costs."

Compounding the challenge is its highly seasonal nature. Harumanis is harvested only once a year, typically between March and May, with a production window lasting about two to two-and-a-half months.

"Harumanis does not have overlapping harvest periods in other

regions. Once the season ends, consumers must wait until the following year," he said.

Looking ahead, he urged industry players to raise quality standards to safeguard the fruit's reputation, while calling on consumers to remain vigilant against counterfeit or substandard products.

Meanwhile, C'Manis Marketing entrepreneur Noor Asyikin Osman, 52, said product diversification is key to unlocking the fruit's full commercial potential beyond its short harvest season.

She said value-added offerings such as Harumanis chilli sauce, jam and cordial are gaining traction among consumers.

"The inspiration came from its seasonal nature. Harumanis is only available once a year, so consumers can enjoy it only for a limited period.

"By developing value-added products, customers are now able to enjoy Harumanis throughout the

year," she said.

Noor Asyikin said she began her business in 2023 with cordial and juice products before expanding into other offerings, driven by encouraging customer response.

"The products are made using pure Harumanis mango, which contributes to their strong aroma and distinctive flavour."

"However, prices are slightly higher than market alternatives due to the high cost of raw fruit, with some products such as jam priced at nearly double," she said.

Currently, the products are distributed mainly within Perlis through hotels, retail outlets and online platforms.

"Sales have been very positive, showing steady and encouraging growth year after year," she said, adding that Harumanis-based products hold strong potential for expansion both domestically and internationally.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	THE STAR	NATION	12

## Watermelon yields fall amid prolonged hot spell

PROLONGED hot weather since March has affected the quality and yield of watermelons in Setiu, Terengganu, reported *Kosmo!*

Farmers said most of their watermelon yields were reduced after failing to reach the optimal growth weight of at least 7kg, resulting in the produce being downgraded to Grades B and C.

Farmer Mohd Azhar Ibrahim, 45, said the intense heat not only stunted growth but also affected the fruits' appearance, leaving

some with slight dents on their outer surfaces.

The watermelons were also ripening faster than the usual 60 days, making it harder to meet market standards.

"As such, we can't sell the watermelons to a wider market as the fruits do not meet the required grade.

"We end up selling them ourselves at roadside stalls at a lower price," he said.

Another farmer, Sabri Razali,

42, said the hot weather also resulted in water shortages, which have only worsened the situation.

He said they are forced to ration water as wells and retention ponds have dried up.

Despite having recently lost her husband to a heart attack, a widow in Terengganu has found comfort in knowing that his donated organs have helped save lives, reported *Kosmo!*

Nurul Hanis Amelia Ramli, 32,

is glad that three individuals will have a second chance at life thanks to the organs of her husband, Muhammad Syukri Bazli, who died in early April.

Although she does not know who the organ recipients are, Nurul Hanis said she was informed that all three are in stable condition after undergoing organ transplant surgery.

One of Muhammad Syukri's kidneys was donated to a 47-year-old woman who had been under-

going dialysis for nine years, while the other went to a 19-year-old.

His liver was transplanted into a 13-year-old girl.

"I pray that all three of them continue to be blessed with good health to live out their lives.

"The organ donation was my late husband's final act of kindness, and I hope his story will raise public awareness on the importance of organ donation," she said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2026	THE SUN	NATIONAL	6

# Erratic weather no barrier for watermelon grower

➤ Leveraging on rainfall patterns in different parts of Peninsular Malaysia and making use of staggered planting entrepreneur sustains year-round production

**JASIN:** Increasingly unpredictable weather is no longer a problem but an advantage for a local watermelon grower, who has been leveraging seasonal variations across the country to sustain year-round production.

Watermelon entrepreneur Koh Eng Koon said differences in rainfall patterns between the northern and southern parts of Peninsular Malaysia allow for staggered planting, thus preventing supply disruptions in the market.

"Based on my more than 30 years of experience in this field, I have observed that weather patterns in Malaysia shift from north to south. So, when it starts raining in the northern states, I shift planting to areas in the south. We follow the weather, not fight it.

"Everyone knows that the weather is becoming more extreme, but if we understand the patterns and plan planting properly, we can still maintain supply."

Koh said it took him between five and 10

years to fully understand seasonal trends in a given area before being able to plan planting more precisely.

He added that the strategy of planting across multiple states ensures that production remains unaffected while the risk of losses due to extreme weather in any single location is reduced.

"We have farms in almost all states except Kuala Lumpur, Penang, Sabah and Sarawak. At each location, we limit planting to around 300-500ha. This way, if one area is affected, we still have other locations as a backup," said Koh, who started with just 1.6ha of land in Tiang Dua, Malacca, in the early 1980s.

Koh said in Malacca, Koon Huat Agriculture, the largest farm operated by his company, is located in Tebonglang, covering about 80ha, *Bernama* reported.

He added that through this strategy, his watermelon cultivation, particularly the Cinta Manis variety, now spans thousands of

hectares nationwide, with a planting schedule of between 320ha and 480ha per month, enabling continuous supply.

"Daily production is estimated at between 250 and 350 tonnes, depending on weather conditions, with farm management carried out systematically, involving hundreds of workers and dozens of supervisors across the country."

Koh said selecting seeds suited to the local climate has become a critical factor after various early trials failed to produce the desired quality.

He said many of the seeds the company tried did not produce the required quality of fruits.

"Now, we choose stable varieties that produce crunchy and sweet flesh, namely the Cinta Manis variety."

He added that each variety requires a different approach, including water and nutrient control as well as harvesting periods, to ensure optimal fruit quality, with some varieties harvested as early as 26 to 28 days after flowering.

On the sector's potential, he said it offers vast opportunities, especially for the young generation, as it could be developed into agro-tourism and open avenues in technology and research.



Koh (left) said selecting seeds suited to the local climate is a critical factor in producing watermelons with crunchy and sweet flesh. — *BERNAMAPIC*

# Op Naga: 5,139 nelayan asing dicekup

639 kes pencerobohan nelayan asing sejak 2019 babit kerugian RM244 juta hasil laut negara

Oleh MUHAMMAD AMINURALIFF MOHD ZOKI

**PUTRAJAYA** – Pencerobohan nelayan asing yang mengaut hasil laut negara secara haram terus menjadi ancaman serius apabila Op Naga merekodkan 639 tangkapan dengan nilai rampasan mencecah RM244 juta.

Operasi bersepadu melibatkan 17 agensi keselamatan dan penguatkuasaan dilaksanakan bagi mengkeang aktiviti penangkapan ikan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia (*IUU Fishing*) yang bukan sahaja melanggar undang-undang negara, malah mengancam sumber ekonomi maritim serta ekosistem laut tempatan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Madya Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, statistik Op Naga sehingga 31 Mac lalu me-



Anggota Maritim Malaysia melakukan pemeriksaan terhadap kapal nelayan asing selepas didapati menceroboh perairan negara ketika Op Naga.

melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan pada April 2019 sebelum Op Naga diaktifkan di perairan pantai timur Semenanjung dan kemudiannya diperluaskan ke Sabah serta Sarawak.

"Maritim Malaysia dilantik sebagai agensi penyelaras operasi bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan beberapa agensi penguatkuasaan lain.

"Op Naga merupakan operasi bersepadu berterusan bagi menangani ancaman keselamatan maritim yang semakin kompleks khususnya di Laut China Selatan," katanya ketika mempergeriskan Mesyuarat Op Naga Siri 12 Bhlangan 11/2026, baru-baru ini.

Mohd Zawawi berkata, sejak dilaksanakannya, sebanyak 180,767 pemeriksaan direkodkan selain 5,139 nelayan asing dari

Dalam perkembangan sama, Mohd Zawawi berkata, Bengkel Kumpulan Kerja Komunikasi Strategik Bersepadu (CSCWG) Op Naga 2026 yang berlangsung selama dua hari bermula 4 Mei lalu menjadi platform penting memperkukuh strategi komunikasi operasi.

Katanya, bengkel julung kali diadakan itu menghimpunkan pegawai komunikasi dari-pada 17 agensi keselamatan bagi menyelaras penyampaian maklumat berkaitan operasi keselamatan maritim negara.

"Dalam era dominasi maklumat digital, kejayaan operasi keselamatan tidak lagi diukur hanya melalui tangkapan di lapangan, tetapi juga keupayaan mengurus naratif, persepsi dan keyakinan awam secara berkesan.

"Komunikasi strategik yang diselenggarakan adalah benteng penting dalam memastikan setiap kejayaan operasi sampai kepada rakyat dengan tepat, pantas dan diyakini," katanya.

Menurutnya, gabungan kekuatan operasi dan komunikasi strategik dijangka terus memperkukuh keberkesanan Op Naga sebagai benteng utama negara dalam menentang pencerobohan asing serta jenayah rentas sempadan di perairan negara.



Antara nelayan